

SOALAN NO. 19**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHRU]****TARIKH : 2 NOVEMBER 2017****SOALAN :**

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah keluarga yang masih berdaftar dengan program e-Kasih sejak tahun 2010-2017 dan berapakah jumlah keluarga yang berjaya meningkatkan hasil pendapatan mereka dan keluar daripada kelompok kumpulan yang mendapat bantuan e-Kasih ini sejak tahun 2010-2017.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep inklusiviti, Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Ketika ini kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan perkapita isi rumah dan berdasarkan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 ataupun *Household Income Survey* 2014. Penggunaan kriteria terkini iaitu PGK 2016 didalam sistem eKasih adalah masih dalam proses pengemaskinian.

Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut dimana bantuan yang direkodkan ini adalah dari agensi pemberi bantuan berkaitan.

Sehingga 17 Oktober 2017, seramai 596,243 Ketua Isi Rumah (KIR) yang telah berdaftar dengan eKasih bagi seluruh negeri di Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 64,014 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 139,200 KIR pula di bawah kategori Miskin. Perincian mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah:

Statistik Status Kemiskinan Dari Tahun 2010 Hingga Tahun 2017

Tahun	Miskin Tegar	Miskin	Terkeluar	Jumlah
2010	13,361	78,515	154,781	246,657
2011	18,652	102,350	212,567	333,569
2012	59,479	105,227	256,530	421,236
2013	73,779	126,917	257,405	458,101
2014	56,815	122,431	310,968	490,214
2015	79,744	140,643	311,758	532,145
2016	74,389	141,280	355,391	571,060
Sehingga 17 Oktober 2017	64,014	139,200	393,029	596,243

Daripada jumlah 596,243 KIR, seramai 393,029 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar. Perincian adalah seperti jadual di bawah:

Statistik Status Terkeluar dari Tahun 2010 hingga tahun 2017

Tahun	Terkeluar	Terkeluar Sebab Peningkatan Pendapatan
2010	154,781	
2011	212,567	Tiada Maklumat
2012	256,530	
2013	257,405	179,875
2014	310,968	250,670
2015	311,758	259,152
2016	355,391	295,767
Sehingga 17 Oktober 2017	393,029	325,316

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, status Terkeluar KIR bukan hanya kerana peningkatan pendapatan tetapi juga meliputi kes-kes meninggal dunia, tidak dapat dikesan dan berkahwin semula.

Sekian, terima kasih.